

Rakyat perlu faham PM ada cara sendiri

Kerajaan tak cadang ambil tindakan terhadap Zaid: T P M

Oleh Abdul Halim Yusoff,
Mohd Roji Abdullah
dan Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, sokongan mantap berterusan segenap lapisan pemimpin dan masyarakat kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuktikan Perdana Menteri tidak pernah hilang kawalan terhadap kepimpinan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Abdullah adalah ketua kerajaan yang mendapat mandat besar dalam pilihan raya lalu dan terus mendapat sokongan Ahli Parlimen sebagai Perdana Menteri serta Presiden Umno.

"Jadi tidak timbul soal Perdana Menteri hilang kawalan terhadap pemerintahan dan pentadbiran negara. Orang ramai perlu faham bahawa setiap Perdana Menteri mempunyai cara kepimpinan masing-masing.

"Yang penting, setiap ketua kerajaan mesti mendapat sokongan berterusan yang membolehkannya membuat keputusan yang memberi kebaikan kepada rakyat dan negara," katanya selepas majlis perasmian Projek Perumahan Keluarga Angkatan Tentera di Pangkalan Udara Subang, di sini, semalam.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana

Menteri, kelmarin bahawa beliau mempunyai cara kepimpinan tersendiri dan tidak pernah hilang kawalan sebagai pemimpin, seperti didakwa sesetengah pihak.

Mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim yang mendakwa Perdana Menteri tidak membawa perubahan dijanjikan sejak memegang jawatan tiga tahun lalu, Najib yang juga Ketua Whip Parlimen menjelaskan, kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap Zaid, asalkan beliau tidak melakukan sesuatu yang menyalahi peraturan Parlimen dan whip.

Najib berkata, Zaid bebas bersuara dan kerajaan mengambil kira apa yang disuarakannya kerana Perdana Menteri sendiri mengharapkan Ahli Parlimen berperanan lebih berkesan supaya orang ramai tidak bergantung kepada pembangkang untuk menyuarakan hasrat mereka.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting menegaskan corak kepimpinan Perdana Menteri, yang demokratik dan terbuka jangan disalah anggap sebagai beliau hilang kawalan sebagai pemimpin.

Di **PAGO**H: Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, semua pihak tidak boleh membuat kesimpulan dengan mendakwa Perdana Menteri hilang kawalan hanya kerana beliau mempunyai cara tersendiri.